

PERSOALAN-PERSOALAN DALAM AL-SYIQAQ I DARI PERSPEKTIF ISLAM

OLEH

WAN MUNIRAH BINTI WAN HAMZAH

Tesis diserahkan untuk memenuhi
sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera

Mac 1999

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya saya diberikan kekuatan untuk menyempurnakan kajian ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Puan Siti Hajar Che Man selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, galakan, nasihat dan saranan-saranan yang membina dalam menghasilkan kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan buat Yang Berbahagia Dato' Profesor Emeritus Haji Shahnon Ahmad yang sudi meluangkan masa untuk diwawancara. Tidak lupa juga ucapan penghargaan kepada semua pensyarah Bahagian Kesusteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang terlibat memberi bimbingan dalam Rancangan Ijazah Sarjana Sastera Mod Campuran yang julung-julung kali ditawarkan.

Akhir sekali untuk keluarga tercinta, khususnya ayahanda Wan Hamzah Che Mamat dan bonda Wan Fauziah Haji Wan Salleh Fathi – terima kasih untuk segala-galanya. Terima kasih juga buat keluarga dan rakan-rakan yang sering memberikan sokongan moral dan semangat di saat saya memerlukan.

JADUAL KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Penghargaan	ii
Jadual Kandungan	iii
Transliterasi	v
Abstrak	vii
Abstract	ix
BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.1 Tujuan Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah Kajian	2
1.3 Ruang Lunjuran Kajian	4
1.4 Kaedah Kajian	7
1.5 Kajian Lepas	9
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Organisasi Kajian	12
BAB DUA: MODEL KELUHURAN ISI KANDUNGAN <u>AL-QURAN</u> MENURUT PANDANGAN AL-FARUQI	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Model Keluhuran Isi Kandungan <u>Al-Quran</u> oleh Al-Faruqi	18
2.3 Kesimpulan	39

BAB TIGA: ANALISIS PERSOALAN-PERSOALAN DALAM NOVEL AL-SYIQAQ 1 DARI PERSPEKTIF ISLAM

3.1 Pengenalan	41
3.2 Manusia Sebagai Ciptaan Allah Yang Terbaik	42
3.2.1 Manusia Sebagai Khalifah Allah	45
3.2.2 Manusia Sebagai Hamba Allah	54
3.3 Islam Agama Fitrah dan Universal	60
3.4 Perkahwinan	69
3.4.1 Tujuan dan Hikmah Perkahwinan	70
3.4.2 Nafsu dan perkahwinan	73
3.4.3 Poligami	75
3.5 Dakwah	80
3.5.1 Tujuan dan Hikmah Dakwah	82
3.5.2 Tatacara Dakwah	91
3.5.2.1 Peranan Isteri dalam Dakwah	94
3.5.3 Kesan Dakwah	98
3.6 Kesimpulan	102
BAB EMPAT: RUMUSAN DAN KESIMPULAN	104
BIBLIOGRAFI	108
LAMPIRAN	

TRANSLITERASI

Sistem transliterasi huruf Arab ke huruf rumi yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut;

alif	a	zay	z	qāf	q
bā'	b	sīn	s	kaf	k
tā'	t	shīn	sy	lām	l
thā'	th	sād	s	mīm	m
jīm	j	dād	d	nūn	n
hā'	h	tā'	t	hā'	h
khā'	kh	zā'	z	wāw	w
dāl	d	'ayn	'	yā'	y
dhāl	dh	ghayn	gh		
rā'	r	fā'	f		

Fathah (pendek) a (panjang) ā

Kasrah (pendek) i (panjang) ī

Dammah (pendek) u (panjang) ü

Perkataan-perkataan berhuruf Arab yang ditranliterasikan ke huruf rumi dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Abdillah	<i>'abdillah</i>
Al-insan	<i>al-insān</i>
Al-ihsan	<i>al-ihsan</i>
Al-jamal	<i>al-jamal</i>
Dinul fitrah	<i>dīnūl fitrah</i>
Habibullah	<i>habibullah</i>
Hablumminannas	<i>hablumminannās</i>
Hablumminallah	<i>hablumminallah</i>
Insanul kamil	<i>insānul kamil</i>
Kalamullah	<i>kalāmullah</i>
Khalifatullah	<i>khalifatullah</i>
Kitabullah	<i>kitābullah</i>
Makrifatullah	<i>ma'rifatullah</i>
Tahalli	<i>tahalli</i>
Tajalli asma'	<i>tajalli asma'</i>
Tarbiah	<i>tarbiyyah</i>

ABSTRAK

Kajian ini akan memfokuskan kepada persoalan-persoalan dalam novel Al-Syiqaq 1 dari perspektif Islam. Persoalan-persoalan ini akan dianalisis berpandukan model keluhuran isi kandungan Al-Quran yang dikemukakan oleh Al-Faruqi menerusi kajian beliau terhadap Al-Quran. Kajian ini akan memfokuskan kepada persoalan-persoalan dalam novel Al-Syiqaq 1 yang boleh dikenalpasti sebagai berunsurkan Islam. Analisis persoalan-persoalan ini juga secara tidak langsung akan menyorot teknik kepengarangan dan kreativiti Shahnon Ahmad dalam mengekspresikan fenomena-fenomena sosial dan aspek-aspek kehidupan masyarakat Melayu-Islam ketika itu.

Dalam bab pertama, perbincangan akan menjurus kepada aspek-aspek metodologi seperti tujuan kajian, penyataan masalah kajian, skop kajian, kaedah kajian, kajian-kajian lepas, kepentingan kajian serta organisasi kajian yang memberi pendedahan awal kepada keseluruhan kajian.

Bab kedua akan memberi tumpuan kepada model keluhuran isi kandungan Al-Quran yang dikemukakan oleh Al-Faruqi. Bab ini juga akan membincangkan secara terperinci saranan-saranan Al-Faruqi mengenai keluhuran isi kandungan Al-Quran. Saranan-saranan ini kemudiannya akan diperhalusi dengan hujahan ayat-ayat Al-Quran dan Al-Hadis.

Bab ketiga ialah analisis persoalan-persoalan dalam novel Al-Syiqaq 1 mengikut perspektif Islam. Persoalan-persoalan ini akan dianalisis berdasarkan model Al-Faruqi. Persoalan-persoalan ini juga akan turut ditinjau dari aspek teknik dan gaya kepengarangan Shahnon. Persoalan-persoalan yang telah dikenalpasti ialah manusia sebagai ciptaan Allah yang terbaik dengan fokus manusia sebagai khalifah dan hamba Allah, Islam agama fitrah dan universal, perkahwinan dan dakwah.

Bab keempat adalah bahagian rumusan dan cadangan. Bab ini akan membincarkan dapatan-dapatan kajian serta penilaian kepada hipotesis-hipotesis kajian. Kajian ini telah menghasilkan penemuan yang menunjukkan bahawa adanya keselarian di antara beberapa keluhuran isi kandungan Al-Quran yang dikemukakan oleh Al-Faruqi dengan persoalan-persoalan dalam novel Al-Syiqaq 1. Teknik dan gaya kepengarangan Shahnon juga telah menyerlahkan persoalan-persoalan dalam novel Al-Syiqaq 1 yang dianalisis dari perspektif Islam.

ABSTRACT

This research will focus on issues latent in Al-Syiqaq 1 from an Islamic perspective. Such issues will be analyzed based on the Holy verses of Al-Quran modelled upon the study carried out by Al-Faruqi. This research shall accordingly be similarly guided in its approach towards the Islamic issues in Al-Syiqaq 1. Such analyses shall also indirectly involve the written style and creativity of Shahnon in expressing the social phenomena and various aspects of life in Islamic-Malay society of that era.

In the first chapter, the discussion are on the research objectives, problems, scope, methodology and previous researched. The significance and the organization of the research will be focused at the end of this chapter. These criterias will explain the insight of this research.

The second chapter will devote greater attention to the model used by Al-Faruqi in conveying the contents of the Holy Quran and this shall be discussed in greater detail. Further discussion on the fine-tuning of these contents shall be carried out vis-à-vis the verses of the Holy Quran and the prophetic hadis.

The third chapter explore Al-Syiqaq 1 from an Islamic perspective. These analyses while based on Al-Faruqi's model shall be viewed from Shahnon's literary techniques. Issues which have been identified includes man as the perfect creation of

Allah, focusing on man as *khalifah Allah* and *hamba Allah*, the *fitrah* and the universality of Islam, marriage and *dakwah*.

The fourth chapter provides the conclusion as well as suggestion for further research. It gears towards the findings and research hypotheses. This research showed the similarities among such contents of Al-Quran that viewed by Al-Faruqi and the issues in Al-Syiqaq.¹ Shahnon's literary techniques also convey the issues analyzed from an Islamic perspective.

BAB SATU

Pendahuluan

1.1 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis persoalan-persoalan dalam novel Al-Syiqaq 1¹ dari perspektif Islam. Kajian ini akan berpandukan kepada perincian dan analisis Al-Faruqi mengenai keluhuran isi kandungan Al-Quran. Kerangka keluhuran ini akan diaplikasikan dan dijadikan asas dalam kajian ini untuk menganalisis persoalan-persoalan di dalam novel Al-Syiqaq 1. Analisis ini juga akan memberi penilaian terhadap kreativiti pengarang dalam mengolah persoalan-persoalan dari perspektif Islam. Walaupun ada di kalangan para sarjana berpendapat Al-Syiqaq 1 belum dapat dikategorikan dalam lingkungan karya sastera Islam,² namun persoalan-persoalan dalam novel ini selaras dengan gagasan pengarang sebagai individu yang mempunyai matlamat tersendiri dalam melahirkan sastera Islam.³

¹Shahnon Ahmad, 1985, Al-Syiqaq 1, Kuala Lumpur: Teks Publishing.

²Md. Salleh Yaapar berpendapat Al-Syiqaq 1 masih belum dapat dikategorikan sebagai sebuah karya sastera Islam yang mutlak. Struktur Al-Syiqaq 1 tidak menepati struktur sastera Islam yang *non-development* dan *non-naturalistic*. Struktur novel ini masih belum begitu terbuka walaupun unsur perulangannya agak jelas kelihatan dan berkesan. Begitu juga unsur-unsur ketiadaperibadian dan penggaya-gayaan yang amat penting dalam kesusasteraan dan kesenian Islam masih belum dihidupkan. Lihat Md. Salleh Yaapar, 1992, 'Kesusasteraan Islam dan Penghayatannya di Malaysia Kini' dalam Baharudin Ahmad, 1992, Sastera Sufi, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 87. Sementara itu pengkaji-pengkaji lain seperti Mohd. Yusof Hasan dan Zahrah Ibrahim terus menempatkan novel ini dalam lingkungan karya sastera Islam atas dasar penciptaan novel ini yang selaras dengan gagasan sastera Islam yang dikemukakan oleh Shahnon.

³Sastera Islam perlu pengisian unsur 'indah dan 'baik' mengikut pengertian Islam. 'Indah' dalam Islam seperti yang menjadi salah satu zat Allah bukan hanya indah dalam cara atau teknik tetapi unggul ialah indah dalam Kebenaran Hakiki. Allah adalah Benar dan Kebenaran Hakiki itulah yang indah; bukan hanya cara atau teknik menyampaikan Kebenaran Hakiki itu yang indah. 'Baik' pada Islam ialah nilai-nilai yang telah ditetapkan oleh Allah iaitu Kebenaran Hakiki. Lihat Shahnon Ahmad, 1991, Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 391.

1.2 Penyataan Masalah Kajian

Dalam konteks kajian kesusasteraan di Malaysia, telah banyak kajian teks dari perspektif Islam dilakukan⁴. Walaupun pengkaji-pengkaji lepas menggunakan Al-Quran sebagai asas pengkajian teks, namun tidak ada kajian yang memfokus secara khusus kepada analisis persoalan dalam teks berteraskan isi kandungan Al-Quran. Kajian-kajian yang telah dijalankan hanya menyentuh tentang perspektif Islam dalam konteks perbincangan yang umum. Di samping itu, kajian-kajian yang telah dijalankan juga cenderung menggunakan aplikasi teori-teori sastera Barat. Oleh itu, amat sukar untuk menentukan satu kerangka rujukan yang sesuai digunakan dalam kajian ini yang berasaskan perspektif Islam.

Isma'il Raji Al-Faruqi banyak membincangkan keestetikaan Al-Quran dari segi bentuk, isi dan juga kesan dan manifestasinya dalam bentuk-bentuk seni.⁵ Dalam salah satu kajiannya yang dimuatkan dalam buku bertajuk Atlas Budaya Islam yang diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dari judul asalnya The Cultural Atlas of Islam, Al-Faruqi telah mengemukakan tiga aspek keluhuran Al-Quran iaitu keluhuran bentuk Al-Quran, keluhuran isi kandungan Al-Quran dan keluhuran kesan Al-Quran.⁶ Daripada tiga aspek ini, saya memilih aspek keluhuran isi kandungan Al-Quran. Saya beranggapan aspek ini boleh diaplikasikan untuk

⁴Lihat bahagian Kajian Lepas untuk penjelasan mengenai contoh-contoh kajian yang telah dijalankan.

⁵Lihat Isma'il Al-Faruqi dan Lois Lamya' Al-Faruqi, 1992, Atlas Budaya Islam, terj., Mohd. Ridzuan Othman, Mohd. Sidin Ishak dan Khairuddin Harun, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm:357-502.

⁶Ibid, hlm: 358-364.

menganalisis persoalan-persoalan dalam teks sastera dari perspektif Islam. Dengan kata lain, keluhuran isi kandungan Al-Quran dijadikan ciri-ciri asas untuk menganalisis persoalan dalam konteks Islam. Namun demikian, saya beranggapan adalah sukar untuk sesebuah genre sastera menepati keseluruhan ciri-ciri asas yang digunakan lantaran keluhuran isi kandungan Al-Quran yang amat lengkap dan sempurna tidak boleh dan tidak mampu dihasilkan oleh manusia.

Novel Al-Syiqaq 1 juga dikatakan sebagai sebuah novel Islam. Pandangan ini diutarakan oleh Mana Sikana dan Nurazmi Kuntum yang melihat gaya penulisan Shahnon menerusi novel ini bermotifkan Islam terutamanya dari aspek pengisian ceritanya.⁷ Pandangan ini selaras dengan gagasan sastera Islam yang dikemukakan oleh Shahnon sendiri. Malahan beliau juga mengakui bahawa Al-Syiqaq 1 sememangnya dirancang untuk memperlihatkan ciri-ciri keislaman yang unggul.⁸ Pengakuan Shahnon ini menjadi satu suasana ketegangan kepada saya bagaimana untuk menganalisis dan menentukan unsur-unsur persoalan keislaman yang dikatakan wujud dalam novel ini dapat diketengahkan.

Persoalan-persoalan yang berunsurkan Islam di dalam Al-Syiqaq 1 berbaur dengan persoalan-persoalan lain seperti persoalan sejarah dan kenangan. Justeru itu, persoalan-persoalan dalam novel ini perlu dikesan, dianalisis dan diselaraskan dengan model keluhuran isi kandungan Al-Quran oleh Al-Faruqi untuk menyerlahkan persoalan-

⁷ Mana Sikana dan Nurazmi Kuntum, 1988, 'Unsur-unsur Islam dalam Kreativiti Fiksyen', dalam Mana Sikana, 1988, peny., Sastera Islam dalam Pembinaan, Bangi: Penerbit Karyawan, hlm: 93.

⁸ Ahmad Kamal Abdullah dan Zaiton Ajmain, 1993, peny., Jambak 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 192.

persoalan yang dilihat dari perspektif Islam. Di samping itu, teknik dan gaya kepengarangan Shahnon juga perlu diamati untuk memperlihatkan keunggulan beliau dalam mengolah persoalan-persoalan dalam karya selaras dengan pendapat beliau bahawa,

... seorang pengarang novel yang baik bukan sahaja perlu mempunyai kedayaan pandangan yang mampu memandunya menyirat pelbagai kerencaman kehidupan untuk menjadi persoalan, tapi juga amat perlu memiliki daya menyatakan persoalan itu dengan teknik yang cocok dan berkesan melalui bahasa. Ini sebenarnya kembali kepada teori lumrah bahawa sebuah novel yang baik perlu ada kesebatian dan kepaduan yang baik antara persoalan dan teknik, antara apa yang hendak digubah dengan bagaimana ianya hendak digubah.⁹

1.3 Ruang Lunjuran Kajian

Kajian ini akan hanya membataskan kepada aspek persoalan-persoalan dalam Al-Syiqaq 1 dari perspektif Islam. Aspek persoalan dipilih kerana aspek ini merupakan unsur terpenting dalam membangunkan sesbuah karya sastera. Menurut Syed Husin Ali,

Sebuah hasil sastera Islam tidak memadai hanya dengan menyebut nama Allah dan Rasul, tidak cukup dengan memberi nasihat tentang iman dan amal semata. Ia juga tidak seharusnya terhad memberi khutbah tentang ketinggian Islam atau kebesaran Tuhan sahaja. Aspek-aspek Islam ini perlu disatukan dengan manusia dan masyarakat, dalam kesatuan isi yang realistik serta meyakinkan dan dengan bentuk yang halus serta indah.¹⁰

⁹Shahnon Ahmad, 1989, Gubahan Novel, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 5.

¹⁰Syed Husin Ali, 1985, 'Sastera Melayu Modern, Islam dan Masyarakat', Dewan Sastera, Februari, hlm: 61.

Persoalan adalah isi cerita yang memancarkan makna karya secara langsung untuk dipersembahkan kepada khalayak. Pengalaman dan persoalan kehidupan manusia sehari-hari sering dijadikan intipati dalam karya. Namun, pengalaman itu bukanlah pengalaman biasa yang sering ditemui dalam kehidupan sehari-hari. Sebaliknya, pengalaman yang hendak dijadikan persoalan cerita ialah pengalaman yang telah dipilih dan difikirkan masak-masak oleh pengarang. Pengalaman itu istimewa dan baik untuk disampaikan kepada pembaca melalui sebuah cerita.¹¹ Oleh itu, ruang kajian ini akan menganalisis pengalaman istimewa tersebut yang boleh memperlihatkan nilai-nilai yang dilihat dari perspektif Islam di dalam sebuah karya.

Kajian ini akan menganalisis novel Al-Syiqaq 1. Pemilihan novel ini didasarkan kepada andaian bahawa persoalan-persoalan utama yang dikemukakan melalui novel tersebut berhubung dengan isu-isu Islam. Persoalan-persoalan seperti perjalanan atau hijrah, penyebaran Islam dan dakwah, nilai-nilai kemasyarakatan, kehidupan individu dan keluarga dapat dilihat dari perspektif Islam. Peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh watak-wataknya dapat dikesan sebagai satu mesej utama pengarang yang dipersembahkan menerusi gaya kepengarangan yang tertentu. Peristiwa-peristiwa ini juga memberi pengertian yang dapat membangunkan erti kesyumulan dan hakikat Islam yang sebenar. Persoalan-persoalan seumpama inilah yang tidak dapat dirungkai oleh teori dan disiplin ilmu kritikan yang lain khususnya yang menolak kewujudan Realiti Hakiki.

¹¹Hashim Awang, 1981, peny., Cerita Seorang Seniman, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 1-2.

Walaupun Shahnon menghasilkan novel-novel lain, umpamanya Ranjau Sepanjang Jalan¹², Srengenge,¹³ Rentong,¹⁴ dan Tunggul-Tunggul Gerigis¹⁵ tetapi Al-Syiqaq 1 dipilih menjadi teks kajian kerana muncul segolongan pengkaji seperti Mohd. Yusuf Hasan dan Ismail Hamid yang telah meletakkan novel ini dalam genre karya sastera Islam. Ismail Hamid menganggap Al-Syiqaq 1 sebagai sebuah karya bercorak karya sastera Islam selaras dengan matlamat Shahnon mengemukakan gagasan sastera Islam¹⁶ Pendapat yang sama dikemukakan oleh Mohd. Yusuf Hasan yang menganggap penciptaan Al-Syiqaq 1 sebagai lanjutan usaha Shahnon ke arah proses penciptaan novel berunsur Islam.¹⁷ Shahnon Ahmad sememangnya diketahui sebagai sasterawan yang amat kuat memperjuangkan gagasan sastera Islam semenjak akhir tahun 1970-an lagi. Beliau berpendapat sastera Islam ialah sastera kerana Allah, berhikmah untuk manusia.¹⁸ Selanjutnya, sastera Islam ialah sastera berakhlik, sastera sebagai ibadah dan sastera sebagai karya yang jelas.¹⁹ Lantaran itu, sastera Islam bukan sebuah propaganda yang mudah tetapi memerlukan analisis dan renungan yang mendalam untuk menggali makna di sebaliknya. Justeru, batasan kajian ini hanya akan membataskan perbincangan untuk menganalisis persoalan-persoalan dalam Al-Syiqaq 1 dari perspektif Islam berdasarkan model keluhuran isi kandungan Al-Quran oleh Al-Faruqi.

¹²Shahnon Ahmad, 1972, Ranjau Sepanjang Jalan, Kuala Lumpur: Utusan Melayu.

¹³Shahnon Ahmad, 1973, Srengenge, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹⁴Shahnon Ahmad, 1983, Rentong, Kuala Lumpur: Teks Publishing.

¹⁵Shahnon Ahmad, 1988, Tunggul-Tunggul Gerigis, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹⁶Lihat Kata Pengantar oleh Ismail Hamid dalam Zahrah Ibrahim, 1987, Polemik Sastera Islam Kassim Ahmad dan Shahnon Ahmad, peny. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: xvi dan Ismail Hamid, 1990, Asas Kesusteraan Islam, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 123.

¹⁷Mohd. Yusof Hasan, 1995, Penghayatan Fiksyen Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 51.

¹⁸Shahnon Ahmad. 1981, Kesusasteraan dan Etika Islam, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hlm: 3

¹⁹Zahrah Ibrahim, 1987, hlm: 3.

1.4 Kaedah Kajian

Kaedah kajian ini akan menerapkan persoalan-persoalan dalam Al-Quran seperti yang dirumuskan oleh Al-Faruqi sebagai keluhuran isi kandungan Al-Quran. Model ini mempunyai asasnya yang tersendiri kerana Al-Quran dianggap sebagai sebuah seni sastera yang paling indah dan sempurna. Menurut Al-Faruqi,

In addition to being determined by the ideological message of the Qur'an, Islamic art is also "Qur'anic" in the sense that the scripture of the Muslim people has provided the first and prime model for aesthetic creativity and production. The Qur'an has been described as "the first work of art in Islam".... On the contrary, Muslim hold that the Holy Scripture is divine in its form as well as its content, in its letters as well as its ideas; ... This content and this form of the Qur'an have provided all the distinguishing characteristics which ... are representative of the infinite patterns of the Islamic arts. The Qur'an itself is the most perfect example of infinite patterning - the example that was to influence all future creations in the literary arts, the visual arts (both decoration and architectural monuments), and even the arts of sound ... and movements ...²⁰

Menerusi petikan di atas, Al-Faruqi memantau isi kandungan Al-Quran sebagai contoh satu bentuk kesenian yang bersifat infiniti dalam kesusastraan Islam. Melalui petikan di atas juga, beliau berpendapat bahawa segala bentuk keindahan Al-Quran adalah contoh paling sempurna yang boleh diaplikasikan untuk melihat keindahan seni ciptaan manusia termasuklah seni sastera. Natijahnya, dapat disimpulkan bahawa aspek isi, bahasa dan teknik Al-Quran adalah acuan yang terbaik dan terunggul untuk diterapkan dalam penciptaan karya khususnya untuk ditempatkan dalam lingkungan karya sastera Islam.

²⁰Ismail Al-Faruqi dan Lois Lamya' Al-Faruqi, 1986, The Cultural Atlas of Islam, New York: Macmillan, hlm: 169.

Dalam kajian ini, persoalan dalam teks akan ditinjau berdasarkan rumusan Al-Faruqi yang telah mengemukakan sembilan keluhuran isi kandungan Al-Quran. Rumusan yang dibuat adalah berdasarkan pemantauan dan penelitian beliau terhadap isi kandungan Al-Quran. Sembilan isi kandungan Al-Quran yang dirumuskan ialah;

1. Isi kandungan yang logik dan munasabah mengikut pemikiran manusia.
2. Manusia sebagai makhluk ciptaan Allah yang terbaik dan mempunyai fungsi sebagai khalifah Allah di muka bumi.
3. Islam adalah agama fitrah.
4. Islam mementingkan keadilan dan kebaikan dalam setiap niat dan tindakan.
5. Islam menekankan keperluan untuk menambahkan zuriat melalui perkahwinan.
6. Islam adalah agama universal.
7. Islam memerlukan pendakwahan yang bijaksana untuk menyeru manusia.
8. Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna.
9. Islam adalah agama yang indah.¹

Berpandukan sembilan keluhuran isi kandungan tersebut, saya akan menjadikan model keluhuran Al-Faruqi ini sebagai landasan kajian untuk menganalisis persoalan-persoalan dalam Al-Syiqaq 1 mengikut perspektif Islam.

Kajian ini juga akan menggunakan kaedah wawancara. Umpamanya untuk memperkemaskan persoalan percanggahan pendapat mengenai tafsiran terhadap makna di sebalik novel Al-Syiqaq 1, saya akan menemubual pengarangnya supaya gambaran

¹Isma'il Al-Faruqi dan Lois Lamya' Al-Faruqi, 1992, hlm: 360-362.

dan hakikat kepengarangannya dapat dikenalpasti. Di samping itu, saya juga akan menjalankan kajian kepustakaan di Perpustakaan Utama Universiti Sains Malaysia. Kajian kepustakaan ini akan dapat memantau kajian-kajian dan data-data yang lepas di samping sumber-sumber terkini yang relevan dengan permasalahan kajian.

1.5 Kajian Lepas

Kajian mengenai aspek persoalan dalam teks bukan sesuatu yang asing dalam konteks kajian kesusasteraan malah hampir keseluruhan kajian teks sastera akan menerokai aspek ini secara umum atau khusus. Umpamanya, Hanapiah Sudin telah membuat kajian dan ulasan terhadap novel Pulanglah Perantau dengan menyentuh aspek persoalan di samping aspek-aspek lain.²² Abdul Hakim Mohd. Yassin pernah mengkaji persoalan-persoalan dalam karya Muslim Burmat.²³ Demikian juga Abdullah Ahmad yang pernah mengkaji aspek yang sama dalam novel-novel Abdullah Hussain.²⁴ Namun begitu kajian-kajian ini lebih menjurus kepada perspektif Barat.

Aspek persoalan dalam teks sastera bukan sahaja dikaji dari perspektif Barat tetapi turut dipantau dari perspektif Islam. Sebagai contohnya Muhammad Kasim telah

²²Lihat Hanapiah Sudin, 1976, Ulasan dan Kajian Pulanglah Perantau: Sinopsis, Tema dan Persoalan, Plot, Soalan Ulangkaji, Kuala Lumpur: Hasrat Pelajar.

²³Abdul Hakim Mohd. Yassin, 1986, Persoalan-persoalan Universal dalam Antologi Cerpen Pelarian Muslim Burmat, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

²⁴Abdullah Ahmad, 1985, ‘Novel-novel Abdullah Hussain: Satu Kajian Dari Segi Tema dan Persoalan (1940-1980)’, Latihan Ilmiah, Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

mengkaji tema dalam novel-novel Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dan hubungannya dengan pandangan hidup Islam.²⁵ Menerusi kajiannya, Muhammad turut menyentuh aspek persoalan. Secara umumnya, amat kurang kajian yang menumpukan kepada aspek persoalan dari perspektif Islam secara khusus. Umpamanya kajian yang dilaksanakan oleh Mustafa Daud mengenai karya-karya Hamka turut menyentuh sepintas lalu aspek persoalan.²⁶ Genre sastera tradisional turut menarik minat para pengkaji untuk dihubungkannya dengan perspektif Islam. Misalnya, V.I Braginsky mengemukakan kajiannya dalam sastera Melayu klasik menerusi bukunya yang berjudul Nada-Nada Islam dalam Sastera Melayu Klasik.²⁷ Abd. Rahain Abd. Karim juga tertarik untuk mengkaji Hikayat Bakhtiar²⁸ dari perspektif Islam walaupun tidak secara khusus atau memfokus kepada satu aspek sahaja. Suasana ini menampakkan satu ruang kosong yang belum terisi dengan pengkajian genre novel dari perspektif Islam khususnya dalam aspek persoalan. Walaupun ada pengkajian genre novel moden dari perspektif Islam²⁹ tetapi tidak menjurus kepada aspek persoalan yang dilihat dari perspektif Islam.

Ketidaksempurnaan dan ketidaklengkapannya kajian-kajian ini mendorong saya untuk mengetengahkan model keluhuran isi kandungan Al-Quran Al-Faruqi. Saya beranggapan pengaplikasian model tersebut dalam kajian teks akan memancarkan

²⁵ Muhammad Kasim, 1985, 'Novel-novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua: Hubungan Tema dengan Pandangan Hidup Islam', Latihan Ilmiah, Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

²⁶ Mustafa Daud, 1992, 'Sastera Dakwah: Satu Analisis Kritis Terhadap Karya Kreatif Hamka', Tesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia.

²⁷ V.I Braginsky, 1994, Nada-Nada Islam dalam Sastera Melayu Klasik, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

²⁸ Abd. Rahain Abd. Karim, 1982, 'Ciri-ciri Sastera Islam di Dalam Hikayat Bakhtiar', Latihan Ilmiah, Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

²⁹ Lihat Wan Buanan Wan Hussin, 1996, 'Aspek-Aspek Manusiawi dalam Imam: Satu Pandangan dari Perspektif Kreatif Islam', Latihan Ilmiah, Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

analisis persoalan-persoalan hakikat kesempurnaan insan secara telus yang dapat dilihat dari perspektif Islam.

Novel Al-Syiqaq 1 belum pernah dikaji secara khusus oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Teks ini cuma disentuh secara sepintas lalu oleh beberapa orang pengkaji seperti Mohd. Yusof Hasan³⁰ dan Ooi Eng Lye.³¹ Kekurangan kajian secara khusus ke atas teks ini adalah berkemungkinan kerana novel ini tidak dianggap sebuah novel yang perlu diberi perhatian kerana sifat semi-sejarahnya. Hakikatnya, saya mendapati tema dan penggarapan persoalan dalam novel ini begitu bernilai dilihat dari sudut kemelut binaan iman dan insan. Justeru itu, pengkajian ke atas novel ini merupakan satu inisiatif untuk mengenengahkan analisis persoalan dari perspektif Islam. Kajian seperti ini sememangnya perlu kerana kajian terdahulu lebih menekankan kepada aspek binaan struktural dan bentuk-bentuk genre sastera.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai aspek-aspek persoalan dalam karya sastera yang dilihat dari perspektif Islam dirasakan amat perlu dan penting. Aspek ini adalah elemen yang paling dominan dalam membangunkan sesebuah karya sastera. Persoalan-persoalan dalam sesebuah karya adalah manifestasi wadah pengarangnya dan berfungsi untuk menyampaikan mesej dan hasrat pengarang yang sebenar. Penerokaan aspek ini yang

³⁰ Lihat Mohd. Yusof Hasan, 1990, Sasterawan Negara Shahnon Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 65-70.

³¹ Ooi Eng Lye, 1998, 'Novel-Novel Mutakhir Shahnon Ahmad (1980-an - 1990-an): Satu Kajian Perhubungan Gender. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.

dianalisis dari perspektif Islam akan menyerlahkan makna sebenar sesebuah karya di samping dapat mengesan daya kreativiti pengarang tersebut.

Kajian ini juga merupakan salah satu usaha untuk menyerlahkan keunggulan dan keistimewaan Shahnon Ahmad sebagai seorang pengarang. Meskipun telah banyak kajian dilakukan terhadap karya-karya beliau tetapi saya merasakan kajian ini merupakan satu lagi tambahan dan sumbangan terhadap kajian-kajian yang sedia ada yang dilihat dari perspektif yang berbeza. Kajian ini juga merupakan satu analisis terhadap aspek kepengarangan Shahnon yang ditinjau dari dimensi perspektif Islam.

1.7 Organisasi Kajian

Organisasi kajian akan dibahagikan kepada empat bab. Bab pertama ialah pengenalan kepada kajian yang turut memuatkan tujuan kajian. Bahagian ini turut merangkumi kepentingan kajian. Pengisian bab ini juga menerangkan pernyataan masalah kajian yang akan melihat kewajaran kajian ini perlu dilakukan. Pemantapan bab ini, akan disertakan dengan ruang lunjuran kajian, kaedah kajian, tinjauan terhadap kajian-kajian lepas serta organisasi keseluruhan kajian.

Bab Kedua akan membicarakan tentang model keluhuran isi kandungan Al-Quran yang dikemukakan oleh Al-Faruqi. Bab ini juga akan memperincikan dan memperhalusi setiap unsur yang dikemukakan oleh beliau dengan hujahan ayat-ayat Al-Quran dan Al-

Hadis. Secara tidak langsung bab ini juga akan melihat kesesuaian model Al-Faruqi ini untuk diaplikasikan dalam disiplin kajian kesusasteraan.

Bab Ketiga akan memfokuskan kepada persoalan-persoalan dalam Al-Syiqaq 1. Persoalan-persoalan ini kemudiannya akan dianalisis dan dilihat daripada kerangka rujukan perspektif Islam mengikut pandangan Al-Faruqi. Antara lain, persoalan-persoalan yang akan disentuh ialah manusia sebagai *khalifatullah* dan *habibullah*, Islam agama fitrah dan sejagat, perkahwinan dan dakwah. Perbincangan persoalan-persoalan ini akan disulami daya kreativiti dan sensitiviti Shahnon sendiri.

Bab Keempat ialah kesimpulan dan rumusan kepada keseluruhan kajian. Bab ini akan memberi penilaian kepada pencapaian objektif kajian yang telah dinyatakan pada awal kajian. Di samping itu, bab ini juga akan memperlihatkan penilaian kembali terhadap hipotesis-hipotesis yang telah dibina sama ada berjaya atau sebaliknya.

BAB DUA

MODEL KELUHURAN ISI KANDUNGAN AL-QURAN MENURUT PANDANGAN AL-FARUQI

2.1 Pengenalan

Isma'il Raji Al-Faruqi adalah seorang tokoh ulung dalam memperjuangkan pembinaan semula pemikiran Islam. Beliau memimpin dan menulis dalam pelbagai bidang seperti perbandingan agama, falsafah, pendidikan, pemahaman Al-Quran, sosio-budaya dan politik.³² Dengan ilmu falsafah yang dimilikinya, Al-Faruqi menyelami pengertian tauhid dan membuka gagasan-gagasan luar biasa yang menarik. Beliau telah mengemukakan enam prinsip tauhid yang menjadi teras Islam.³³ Kajian dan pemikiran beliau telah banyak dibukukan. Antaranya termasuklah Islam³⁴ The Cultural Atlas of Islam³⁵, Tawhid: Its Implication for Thought and Life³⁶ dan Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan.³⁷

³² Isma'il Al-Faruqi dan Lois Lamya' Al-Faruqi, 1988. Pemikiran Islam Al-Faruqi, terj. Osman Bakar, Kamar Oniah Kamaruzaman, Saidah Kamin dan Akibah Abu Hassan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm:vii.

³³ Enam prinsip ini dijelaskan dalam bukunya yang berjudul Islamic Da'wah: Its Nature and Demands. Lihat M. Tariq Quraishi, 1988, Isma'il Al-Faruqi: Warisan Zaman yang Abadi, terj. Ahmad Shah Mohd. Noor, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 25-26.

³⁴ Isma'il Al-Faruqi, 1979, Islam, Niles: Argus Communication.

³⁵ Isma'il Al-Faruqi, 1986, The Cultural Atlas of Islam, New York: Macmillan. Diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dengan judul Atlas Budaya Islam.

³⁶ Isma'il Al-Faruqi, 1982(a), Tawhid: Its Implications for Thought and Life, Pennsylvania: International Institute of Islamic Thought.

³⁷ Isma'il Al-Faruqi, 1982(b), Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan, Washington: International Institute of Islamic Thought.

Kajian beliau terhadap Al-Quran amat luas dan mendalam. Pemikiran beliau mengenai Al-Quran telah banyak diterbitkan. Kajian terperinci beliau terhadap kitab Al-Quran dimuatkan dalam The Cultural Atlas of Islam. Al-Faruqi berpendapat, kitab suci Al-Quran berfungsi sebagai satu panduan kepada umat manusia ke arah hidup yang bermakna dan sempurna.³⁸ Al-Faruqi juga berpendapat Al-Quran adalah sebuah kesusasteraan yang luhur walaupun ia sebenar-benarnya bukan sebuah karya sastera dan tidak mungkin kitab ini dibandingkan dengan karya sastera ciptaan manusia.³⁹ Menurut Al-Faruqi,

Everybody recognized that although the Qura'nic verses did not conform to any of the known patterns of poetry, they produce the same effect as poetry, indeed, to a superlative degree. Every verse is complete and perfect by itself. It often rhymes with the preceding verse or verses and contains one or more religious or moral meanings imbedded in literary expressions or articulations of sublime beauty. So mighty is the momentum it generates that the recitation impels the audience irresistibly to move with it, to expect the next verse and to reach the most intense quiescence uponhearing it. Then the process starts again with the next one, two or group of three or more verses.⁴⁰

Menerusi petikan di atas, Al-Faruqi berpendapat bahawa Al-Quran adalah keindahan sastera yang lengkap dan sempurna yang terserlah melalui setiap baris ayatnya. Unsur keindahannya atau kemukjizatannya telah diakui dan dinilai sebagai mempunyai tahap kesusasteraan yang tinggi. Al-Quran menewaskan semua norma kehebatan persuratan yang diketahui oleh orang Arab.⁴¹ Menurut beliau lagi,

³⁸ Isma'il Al-Faruqi, 1985, Pengalaman Keagamaan dalam Islam, terj., Alef Theria Wasim, Yogyakarta: PLP2M, hlm: 7.

³⁹ Isma'il Al-Faruqi dan Lois Lamya' Al-Faruqi, 1988, hlm: 21.

⁴⁰ Isma'il Al-Faruqi, 1982(a), hlm: 252.

⁴¹ Isma'il Al-Faruqi dan Lois Lamya' Al-Faruqi, 1988, hlm: 21-22.

If anything is art, The Qur'an certainly is. If the mind of the Muslim has been affected by anything, it was certainly affected by the Qur'an. If this affecting was anywhere deep enough to become constitutive, it was so in aesthetics. There is no Muslim whom the Qur'an candences, rhymes, and facets of eloquence (awjuh al balaghah) have not shaken to the very depth of his being; there is no Muslim whose norms and standards of beauty the Qur'an has not reckneaded and made in its own image.⁴²

Petikan di atas memberi gambaran betapa kesan keindahan Al-Quran memberi impak yang besar kepada orang-orang Muslim. Menerusi saranan-saranan Al-Faruqi, jelas memperlihatkan bahawa untuk melihat keindahan dan kesyumulan Islam yang sebenar di dalam kesusasteraan, rujukan atau model yang terbaik ialah Al-Quran.

Menurut Al-Faruqi, keindahan bentuk Al-Quran sememangnya telah terbukti daripada keindahan ayat-ayatnya yang digubah sebagai *al-nathar al-mutlaq*, iaitu bebas dan mutlak.⁴³ Perkataan dan frasa di dalam kitab Allah ini begitu sempurna dan menepati makna. Kata dan rangkaikatanya seimbang antara bentuk dan kandungannya. Walaupun kata-kata di dalam Al-Quran ringkas tetapi padat dengan makna dan terdapat unsur-unsur simile dan metafora yang amat menarik. Di samping itu, komposisi ayat-ayat Al-Quran amat teliti dengan gaya bahasa yang kadang-kala lunak dan halus diselang-seli dengan nada penggunaan bahasa yang keras dan tegas yang menusuk kalbu. Komposisinya juga tidak mengikut peristilahan biasa dan amat istimewa.⁴⁴ Tegasnya, keindahan yang terjalin dalam bentuk Al-Quran tidak dapat dinafikan dan Al-Quran adalah suatu keindahan yang tidak boleh ditandingi.

⁴² Isma'il Al-Faruqi, 1982(a), hlm: 251.

⁴³ Isma'il Al-Faruqi, 1988, hlm: 24.

⁴⁴ Ibid., hlm: 24-26.

Hasil kajian beliau terhadap Al-Quran, Al-Faruqi telah merumuskan bahawa,

Al-Quran adalah mukjizat yang luhur dengan kandungan yang luhur untuk menghasilkan kesan yang luhur.⁴⁵

Secara terperincinya, Al-Faruqi telah menjelaskan tiga aspek keluhuran Al-Quran yang merangkumi keluhuran bentuk, keluhuran isi kandungan dan keluhuran kesan. Dari aspek keluhuran bentuk, Al-Faruqi merumuskan bahawa;

1. Al-Quran bukan syair atau sajak
2. Surah dalam Al-Quran terdiri daripada perkataan dan frasa yang benar-benar tepat pada maknanya.
3. Perkataan dan frasa Al-Quran daripada satu ayat atau sebahagian ayat dapat disamakan atau dibezakan secara tepat dengan perkataan dan frasa sebelumnya atau sesudahnya sama ada dari segi pembinaan atau makna.
4. Perkataan dan rangkai kata Al-Quran menyatakan makna yang paling kaya dan kuat dengan menggunakan bentuk yang amat mudah.
5. Simili dan metafora, konsep dan petunjuk, kata penghubung dan kata pemisah yang ada dalam Al-Quran memberikan tarikan tarikan yang paling kuat.
6. Gubahan Al Quran sentiasa tepat, teradun dan dipersembahkan dengan murni seperti sebuah karya hasil seni yang sempurna.
7. Gaya Al-Quran adalah kukuh, khusus, tegas, licin serta rumit.
8. Gubahan Al-Quran tidak mempunyai susunan nahu biasa.
9. Teks Al-Quran tidak disusun sama ada mengikut urutan masa kerana tujuannya bukanlah suatu analisis sistematik, laporan atau tujuan

⁴⁵ Isma'il Al-Faruqi dan Lois Lamya' Al-Faruqi, 1992, hlm: 357.

historiografi.⁴⁶

Rumusan keluhuran bentuk Al-Quran oleh Al-Faruqi memberi gambaran bahawa bentuk dan struktur Al-Quran amat unik dan tersendiri serta tidak mampu dihasilkan oleh manusia.

Al-Faruqi juga telah merumuskan sembilan keluhuran isi kandungan Al-Quran yang menyerahkan kesempurnaan dan kesyumulan ajaran Islam. Merujuk kepada keluhuran kesan Al-Quran pula Al-Faruqi merumuskan bahawa bentuk dan isi kandungan Al-Quran akan melahirkan kesan yang tersendiri. Dengan ini bermakna bahawa kesan luhur adalah hasil daripada kandungan luhur yang berpadu dengan bentuk yang luhur.⁴⁷ Kesimpulannya, gabungan antara ketiga-tiga aspek keluhuran ini, memancarkan keindahan dan kesempurnaan *kalāmullah* ini dan keluhuran mutlak *kitābulah* berdasarkan ketiga-tiga aspek tersebut.

2.2 Model Keluhuran Isi Kandungan Al-Quran oleh Al-Faruqi.

Untuk kajian ilmiah ini, saya akan menggunakan model keluhuran isi kandungan Al-Quran menurut pandangan Al-Faruqi. Perbincangan sembilan keluhuran isi kandungan al-Quran tersebut akan berlandaskan rumusan yang dibuat oleh beliau menerusi kajiannya yang dimuatkan dalam buku yang berjudul The Cultural Atlas of

⁴⁶Ibid, hlm: 358-360.

⁴⁷Ibid, hlm: 362-364.

Islam (Atlas Budaya Islam). Rumusan Al-Faruqi kemudiannya akan diperkuuhkan dengan hujahan ayat-ayat Al-Quran dan Al-Hadis bagi memperhalusi rumusan tersebut.

Rumusan pertama yang dikemukakan oleh Al-Faruqi ialah Al-Quran menerima sebarang pemikiran yang waras, munasabah dan diterima akal. Al-Quran mengajar manusia membezakan kebebasan daripada percanggahan; kelonggaran dan kesamaran daripada paradoks, mitos dan sebarang jenis kekaburuan. Ia tidak mengiktiraf kepaderian dan kuasa kehakiman gereja untuk mengemukakan buah fikiran yang arbitrari dan penilaian yang dogmatik. Dengan menolak beberapa panduan tentang ritual, kandungan Al-Quran mengakui kebolehan akal untuk menetapkan menetapkan asas-asas yang munasabah dan juga menetapkan kebenaran. Al-Quran tidak menentukan sebarang keutamaan sama ada kepada wahyu atau kepada akal fikiran tetapi mengisyiharkan persamaan kedua-duanya dan menerangkan perbezaan-perbezaan yang wujud di antara kedua-duanya sebagai hasil kepada kegagalan untuk memahami wahyu atau akibat daripada kesalahan dalam proses pendalilan. Oleh itu, Al-Quran menerima dengan optimistik selagi melibatkan keupayaan manusia terhadap ilmu pengetahuan. Mengikut Al-Quran, kebenaran adalah sesuatu yang boleh diketahui; kepaluan tidak pernah muktamad dan akan sentiasa diatasi dengan pengetahuan yang lebih baik. Islam mengakui keupayaan manusia untuk mengetahui kebenaran itu dan menganggapnya sebagai asas universalisme Islam. Al-Quran menolak sebarang penggolongan manusia yang mendikriminasikan mereka mengikut kelahiran dalam kaitannya dengan keupayaan atau dengan hubungan mereka terhadap Tuhan, penciptanya.⁴⁸

⁴⁸Ibid, hlm: 360.

Berpandukan keluhuran isi kandungan Al-Quran yang dikemukakan oleh Al-Faruqi, jelas bahawa manusia dibezakan dengan makhluk ciptaan Allah s.w.t yang lain dengan pengurniaan akal. Firman Allah yang bermaksud,

Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur kepada-Nya.⁴⁹

Akal amat penting dipergunakan dan mereka yang tidak menggunakan akal fikiran amat hina di sisi Allah sebagaimana firman-Nya yang bermaksud,

Sesungguhnya makhluk yang paling jahat di sisi Allah yang melata di muka bumi ini ialah manusia yang bisu dan tidak pandai menggunakan akal.⁵⁰

Tugas akal adalah berfikir dalam batas alam realiti yang boleh dicapai oleh pancaindera dan akal terbatas dengan keterbatasan pancaindera. Islam menjaga akal manusia agar tidak memasuki wilayah ghaib tanpa didasari atau dibimbing oleh dalil wahyu. Islam juga menganjurkan manusia memaksimakan potensi akal dalam wilayah alam benda inderawi, sehingga mereka dapat mencipta teknologi dan mengembangkan ilmu pengetahuan dalam segenap aspek kehidupan.⁵¹

Selanjutnya, pemantauan Al-Faruqi menemukan pengisian Al-Quran yang mengajak manusia membebaskan akal fikirannya dari pendapat dan aliran lama yang

⁴⁹ Al-Quran, An-Nahl: 78.

⁵⁰ Ibid, Surah An-Anfal: 22.

⁵¹ Al-Ghazali, 1994, Keseimbangan Dalam Beragama, susunan Ahmad Rafaai Ayudi, Saiman Marjuki dan Ab. Latif Hamid, Kuala Lumpur: Al-Kautsar, hlm: 84-85.

turun-temurun. Al-Quran juga menyifatkan orang-orang yang membuang perasaan dan akal mereka sebagai binatang dan orang-orang yang sesat⁵² sepetimana firman Allah yang bermaksud,

Mereka mempunyai hati (akal), tetapi tidak memahami sesuatu dengan hatinya (akalnya), mereka mempunyai mata, tetapi tidak melihat sesuatu dengan matanya, mereka mempunyai telinga, tetapi tidak mendengar sesuatu dengan telinganya, mereka itu sama dengan binatang, bahkan lebih sesat lagi. Mereka itu adalah orang-orang yang sia-sia.⁵³

Mahkota keistimewaan manusia ialah akal. Tanpa menggunakan akal, manusia akan hilang pedoman dan tidak dapat mengakui kebesaran Allah s.w.t dan mengesakan-Nya.

Keluhuran isi kandungan Al-Quran yang kedua yang dirumuskan oleh Al-Faruqi ialah Al-Quran sesuai untuk manusia berdasarkan sifat-sifat mereka, iaitu mereka dicipta dalam bentuk yang terbaik, bebas daripada sebarang dosa semulajadi. Al-Quran menganggap manusia sebagai makhluk yang benar-benar layak untuk memenuhi fungsinya dan mentakrifkan fungsi itu sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Al-Quran tidak menganggap manusia sebagai Tuhan atau sebagai ukuran bagi semua perkara itu adalah sesuatu yang melampau-lampau. Bahkan, Al-Quran mengakui manusia sebagai matlamat penciptaan dan pencapaian moral adalah objektif utama bagi kehidupan dan kematian mereka. Untuk tujuan ini, Al-Quran menjadikan semua makhluk lain termasuk bumi, matahari, bulan dan bintang; semua yang terkandung di dalamnya adalah untuk berkhidmat kepada manusia. Ia memberi hak kepada manusia untuk menikmati hasil

⁵²Abul Wafa Taftazani, 1994, Mengapa Al-Quran Tidak Bertentangan Dengan Akal, terj. Zulkifilee Yazid, Batu Caves: Thinker's Library, hlm: 2.

⁵³Al-Quran, Surah Al-A'raf: 179

daripada apa yang diusahakan. Oleh yang demikian, Al-Quran mengakui tidak ada sebarang konflik antara manusia dengan alam. Manusia diletakkan di bumi walaupun diisyiharkan sebagai mahkota penciptaan. Manusia bebas dan menikmati kuasa yang tidak terbatas tetapi mereka mestilah bertanggungjawab terhadap diri mereka sendiri. Jika tidak, mereka akan kehilangan maruah dan kedudukan sebagai mahkota penciptaan, sebagai khalifah Allah. Tanggungjawab ini adalah sepenuhnya moral dan melalui kepatuhan terhadap undang-undang moral inilah manusia akan dinilai. Kemanusiaan, kehidupan dan pengadilan, semuanya diberikan martabat dan kemurnian yang terpelihara. Ia mempunyai nilai intrinsik dan sesungguhnya akan menjadi bernilai sekiranya ia untuk keredhaan Allah; untuk perintah-Nya yang merupakan undang-undang moral yang mengadili manusia dan kriteria terhadap nilainya.⁵⁴

Rumusan Al-Faruqi memperjelaskan bahawa manusia adalah makhluk Allah s.w.t yang paling istimewa dan merupakan sebaik-baik ciptaan-Nya. Firman Allah melalui Surah At-Tin yang bermaksud,

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam sebaik-baik kejadian.⁵⁵

Lebih daripada itu, manusia adalah makhluk yang mulia sebagaimana firman Allah yang bermaksud,

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak cucu Adam. Kami beri mereka kenderaan di darat dan di laut. Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan dari kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan dengan kelebihan yang sempurna.⁵⁶

⁵⁴ Isma'il Al-Faruqi dan Lois Lamya' Al-Faruqi, 1992, hlm: 360

⁵⁵ Al-Quran, Surah At-Tin: 4.

⁵⁶ Ibid, Surah Al-Isra': 70

Pemantauan Al-Faruqi mencerminkan kesempurnaan manusia yang dibekalkan sifat-sifat ketuhanan seperti berkuasa, berkehendak, berilmu, penyayang, pengasih, melihat, mendengar dan sebagainya⁵⁷ yang merupakan bayangan sifat-sifat Allah s.w.t. Malahan manusia adalah pusat *tajalli asma'* dan pusat sifat ketuhanan.⁵⁸ Dengan pencermaan sifat-sifat tersebut, manusia dianggap sebagai makhluk yang benar-benar layak untuk memenuhi fungsinya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Manusia tidak hanya berfungsi sebagai khalifah Allah tetapi juga sebagai hamba Allah yang benar-benar tunduk dan menyerah kepada-Nya sebagaimana janji manusia kepada Allah dalam surah Al-‘Araf yang bermaksud,

Dan ingatlah ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): Bukankah aku ini Tuhanmu? Mereka menjawab: Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi. (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak menyatakan: Sesungguhnya kami (Bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap keesaan Tuhan.⁵⁹

Keluhuran isi kandungan Al-Quran yang kedua ini juga megimbas pengertian ayat di atas yang menunjukkan bahawa manusia telahpun mengikat perjanjian dengan Allah dalam bentuk roh sebelum dijelmakan ke alam syahadah yakni sebelum menjalankan tugas sebagai khalifah dan hamba Allah.

⁵⁷ Syahminan Zaini dan Ananto Kusuma Seta, 1986, Wawasan Al-Qur'an Tentang Pembangunan Manusia Seutuhnya, Jakarta: Kalam Mulia, hlm: 6.

⁵⁸ Muhammad 'Uthman El-Muhammady, 1977, Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, hlm: 62.

⁵⁹ Al-Quran, Surah Al-A'raf: 172.

Rumusan Al-Faruqi juga mengembalikan ingatan bahawa amanah sebagai khalifah Allah adalah merupakan perjanjian yang telah termaktub antara manusia dengan Allah s.w.t seperti yang telah dijelaskan dalam ayat 72 Surah Al-Ahzab yang bermaksud,

Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanat (tanggungjawab) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang, tetapi mereka enggan untuk memikulnya dan takut terhadap tanggungjawabnya. Dan manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia itu banyak kesalahannya dan bodoh.⁶⁰

Manusia telah sanggup menerima amanah sebagai khalifah Allah bersandarkan akal fikiran yang dikurniakan kepada mereka. Namun begitu, mereka juga harus mengabdikan diri kepada Allah seperti firman-firman Allah yang bermaksud,

Tidak aku jadikan jin dan manusia, melainkan supaya mereka beribadat kepada-Ku.⁶¹

Katakanlah wahai Muhammad! Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah, Tuhan sekalian alam ini.⁶²

Ayat-ayat ini menjelaskan bahawa manusia menyerah dan mengabdikan seluruh kehidupan mereka kepada Allah semata-mata. Masyarakat Muslim ialah masyarakat yang melambangkan perhambaan diri untuk Allah semata-mata di dalam akidah dan dibentuk oleh kalimah syahadah. Peranan utama sebagai hamba Allah ialah beribadat kepada-Nya. Ibadat mempunyai pengertian yang luas dan mengandungi perbuatan zahir dan batin.⁶³ Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa apa sahaja aktiviti manusia yang merangkumi

⁶⁰Ibid, Surah Al-Ahzab: 72.

⁶¹Ibid, Surah Az-Zariyat: 56

⁶²Ibid, Surah Al-An'am: 162.

⁶³Ab. Aziz Mohd. Zain, 1991, Syahadah, Ibadah, Asabiah, Dakwah, Petaling Jaya: Tempo Publishing, hlm: 33